



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2007**

---

**PINDAAN KADAR IMBUHAN TETAP PERUMAHAN**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan menaikkan kadar Imbuhan Tetap Perumahan bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred 41 hingga Gred 44.

**LATAR BELAKANG**

2. Kadar Imbuhan Tetap Perumahan bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred 41 hingga Gred 44 dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2004.

## PELAKSANAAN

3. Kadar baru Imbuhan Tetap Perumahan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred 41 hingga Gred 44 di bawah Sistem Saraan Malaysia adalah ditetapkan seperti dalam **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1: Kadar Baru Imbuhan Tetap Perumahan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred 41 Hingga Gred 44**

Gred	Kadar Baru (RM/ Sebulan)
43 dan 44	400
41 dan 42	250

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah tidak terpakai kepada pegawai dalam perkhidmatan Bomba, Penjara, Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.

## PEMBATALAN

5. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, perenggan 5.1 dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2004 adalah **dibatalkan**.

## TARIKH KUAT KUASA

6. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2008**.

## **PEMAKAIAN**

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**



**( TAN SRI ISMAIL ADAM )**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

4 Disember 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan